



# TEKS UCAPAN



**YB DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN**  
**MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,**  
**KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**HIMPUNAN PENGGUNA BERSAMA KPDNKK**

**DI SAYONG RESORT, PERSISIRAN SAYONG,**  
**KUALA KANGSAR, PERAK**

**12 JUN 2016**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Saudara/Saudari Pengacara Majlis

## **SALUTASI**

1. Pertama kalinya marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan inayah, redha dan izinNya dapat kita berkumpul di petang yang berbahagia ini.
2. Untuk makluman tuan puan sekalian, pengguna adalah orang atau individu yang menggunakan barangan atau perkhidmatan bagi kegunaan sendiri dan

isirumah. Mudah-mudahan, kita adalah pengguna sejak diciptakan, "*From Womb to Tomb*". Pengguna juga ditafsirkan sebagai seseorang yang membeli barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan diri sendiri dan isirumahnya. Sehubungan itu, setiap pengguna di semua peringkat perlu memahami hak-haknya sebagai seorang pengguna seperti berikut :

- a) Hak Untuk Mendapat Keperluan Asas;
- b) Hak Untuk Mendapat Perkhidmatan dan Barangan Yang Selamat;
- c) Hak Untuk Mendapatkan Maklumat;
- d) Hak Untuk Membuat Pilihan;
- e) Hak Untuk Menyuarakan Pendapat;
- f) Hak Untuk Mendapat Ganti Rugi;
- g) Hak Untuk Mendapat Pendidikan Pengguna; dan
- h) Hak Untuk Hidup Di Dalam Alam Sekitar Yang Selamat.

3. Matlamat utama negara adalah untuk mewujudkan masyarakat pengguna yang berdaya upaya serta memacu pasaran dan ekonomi negara ke arah negara maju. Pengguna yang berdaya upaya dapat mengekang sikap peniaga yang tidak beretika di samping mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.
4. Bagi mentransformasikan sektor perkhidmatan khususnya dalam melahirkan pengguna yang berdayaupaya dan berpengetahuan dalam isu kepenggunaan, KPDNKK telah menyasarkan peningkatan tahap kesedaran pengguna daripada **58% kepada 70%** pada tahun 2020.

*Dato'-Dato'/Datin/Tuan-Puan/Saudara/Saudari yang dihormati sekalian,*

5. Kementerian telah mewujudkan satu inisiatif dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran pengguna di negara ini yang dinamakan Friends of KPDNKK. Ianya diwujudkan sebagai satu platform bagi menghimpunkan

pengguna di Malaysia dalam satu-satu acara bagi tujuan penyebaran maklumat, perkongsian ilmu dan perkara-perkara yang bersifat kepenggunaan.

6. Ahli *Friends of KPDNKK* merupakan sukarelawan yang menjadi mata dan telinga kepada kementerian terutamanya dalam memantau isu-isu kepenggunaan seperti isu harga barang. Mereka akan didedahkan dengan ilmu-ilmu kepenggunaan dan saluran-saluran yang membolehkan mereka membuat aduan kepada kementerian.
7. Program Himpunan Pengguna Bersama KPDNKK pada petang ini juga ada menyediakan perkhidmatan servis minyak hitam, yang dikendalikan oleh Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, KPDNKK dengan kerjasama Petronas. Petronas dengan berbesar hati menyumbang minyak hitam tersebut untuk digunakan secara percuma oleh masyarakat di sini dan servis tersebut di jayakan dengan penglibatan golongan muda.
8. Sepertimana yang telah kita sedia maklum, golongan muda atau belia merupakan pemimpin di masa hadapan. Mereka merupakan tunjang penting yang dapat menyumbang dalam situasi politik di negara ini. Kerajaan sentiasa membuka ruang seluas-luasnya kepada golongan belia untuk memberi idea dan menyumbang bersama dengan kerajaan.
9. Justeru itu, dengan adanya *Friends of KPDNKK*, ianya membolehkan golongan muda hari ini menyalurkan maklumat kepada kita dan membantu rakyat secara keseluruhannya dalam menangani kos sara hidup. Kerajaan semata-mata tidak mampu untuk melaksanakan segala hasrat rakyat tanpa penglibatan daripada rakyat sendiri. Kita sentiasa menggalakkan golongan muda untuk sentiasa bekerjasama dengan kerajaan.

10. Akhir sekali dengan kata-kata itu saya dengan sukacitanya dan dengan lafaz "Bismillahirrahmanirrahim" merasmikan Program Himpunan Pengguna Bersama KPDNKK pada petang ini.

Sekian. Wabillahhi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.